

# LAPORAN PENGURUSAN ADUAN DISEMBER 2017

TARIKH ADUAN	NO. ADUAN	ADUAN	TINDAKAN
15-04-2018	1804-8958	Notis Denda Bil Cukai Tanah Pulau Pinang	- Denda Notis 6A hanya akan dikenakan kepada pemilik Tanah yang telah diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 97 Kanun Tanah Negara 1965 sahaja. Jika sekiranya pemilik Tanah telahpun menjelaskan bil cukai Tanah, maka Tanah tersebut tidak akan diambil tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 97 Kanun Tanah Negara 1965 dan tiada keperluan untuk pemilik Tanah membayar denda Notis 6A berkenaan.
11-04-2018	1804-7827	Anugerah Cemerlang Perkhidmatan	Berdasarkan perakuan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTST), senarai keutamaan yang dicadangkan untuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) adalah seramai sepuluh (10) orang di mana kesemua mereka berkhidmat melebihi 3 tahun. Selain itu, terdapat tiga (3) calon simpanan yang turut diperakukan di mana salah seorang daripadanya telah melapor diri dalam tempoh 9 bulan selepas menamatkan pengajian. Walau bagaimanapun beliau telah berkhidmat

			<p>secara keseluruhannya selama 9 tahun di PDTSP. Adalah dimaklumkan bahawa, kesemua calon yang diperakukan untuk menerima APC merupakan pegawai-pegawai yang telah dinilai oleh Ketua Bahagian masing-masing dan juga Ketua Jabatan, dan mereka ini telah memberikan komitmen dan perkhidmatan yang terbaik dalam tahun 2017 selain menampilkan ciri-ciri pegawai yang memiliki budaya perkhidmatan cemerlang, disiplin dan sikap yang positif. Walau bagaimanapun tidak kesemua calon yang diperakukan mengikut keutamaan tersebut telah dipilih, melainkan pihak Panel Pembangunan Sumber Manusi (PPSM) yang dipengerusikan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memuktamadkan calon-calon yang difikirkan layak dan sesuai untuk terima anugerah tersebut.</p>
--	--	--	---